



PELAWAAN BELAJAR SEPARUH MASA TANPA MEMBAYAR YURAN PENGAJIAN

Institut Pendidikan Berterusan & Pengajian Profesional (iCEPS) UiTM melalui Program Musaadah Pendidikan iCEPS mempelawa **BUMIPUTERA** yang sedang **bekerja dan kurang berkemampuan** untuk melanjutkan pengajian di peringkat Diploma atau Sarjana Muda secara mod separuh masa **TANPA** membayar yuran pengajian berdasarkan kriteria seperti berikut:

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN:

1. Telah membuat permohonan untuk belajar di pautan berikut <https://iis-iceps.uitm.edu.my/register> (bagi bakal pelajar sahaja).
2. Pendapatan:
 - Bujang/ Ibu atau Bapa Tunggal (tiada anak) - RM1,500.00/ bulan dan ke bawah.
 - Berkahwin/ Ibu atau Bapa Tunggal (ada anak) - RM4,500.00/ bulan dan ke bawah.
3. Pencapaian akademik (syarat tambahan untuk pelajar sedia ada iCEPS).
 - Mendaftar sekurang- kurangnya **11 jam kredit** setiap semester (atau mengikut pelan pengajian).
 - Minima mendapat CGPA 3.00 dan ke atas
4. Lulus temuduga yang dikendalikan oleh iCEPS.

SYARAT – SYARAT PEMBIAYAAN :

1. Mendaftar sekurang- kurangnya 11 jam kredit setiap semester (atau mengikut pelan pengajian).
2. Pembiayaan:
 - Pelajar semester Pertama dikecualikan yuran pengajian 100%
 - Pelajar semester Kedua dan seterusnya:
 - CGPA 3.0 dan keatas dikecualikan yuran pengajian 100%
 - CGPA 2.75 – 2.99 dikecualikan yuran pengajian 50%
 - CGPA di bawah 2.75 ditamatkan pembiayaan
 - GPA dibawah 2.5 ditamatkan pembiayaan
3. Kadar pembiayaan yang telah diturunkan (atau ditamatkan) tidak akan dinaikkan semula.
4. Pembiayaan adalah untuk yuran pengajian sahaja. Yuran kenaaan tetap harus ditanggung oleh pelajar sendiri.

TATACARA PERMOHONAN:

1. Membuat permohonan Musaadah Pendidikan iCEPS secara *online* di <https://iceps-online.uitm.edu.my/musaadah/>
2. Calon yang dipanggil untuk temuduga dikehendaki memuat naik dokumen sokongan seperti berikut
 - a) Kad pengenalan (pemohon dan pasangan)
 - b) Sijil Nikah (jika berkaitan)
 - c) Sijil Cerai/ Kematian (jika berkaitan)
 - d) Sijil Kelahiran anak-anak di bawah tanggungan (jika berkaitan)
 - e) Slip Gaji tiga (3) bulan terakhir (pemohon dan pasangan)
 - f) Slip Gaji tiga (3) bulan terakhir ibu & bapa (bagi pemohon yang bujang)
 - g) Surat Pengesahan Majikan (pemohon dan pasangan)
 - h) Surat Akuan Sumpah atau Surat Pengesahan daripada majikan pemohon (jika pemohon @ pasangan tidak bekerja)

PENTING: Sila pastikan semua dokumen salinan **DISAHKAN BENAR** oleh pegawai kerajaan Gred 41 ke atas sahaja.

3. Tidak perlu menghantar dokumen secara fizikal. Tuan/Puan hanya perlu memuat naik dokumen di dalam sistem Musaadah.



MAKLUMAN:

- 1. Calon yang berjaya tapisan awal akan dipanggil untuk temuduga.
- 2. Tarikh Buka Permohonan **23 APRIL 2024 (SELASA)** & Tarikh Tutup Permohonan **6 SEPTEMBER 2024 (JUMAAT)**.
- 3. Permohonan dianggap **TIDAK BERJAYA** sekiranya tidak mendapat sebarang pemakluman sehingga **29 SEPTEMBER 2024 (AHAD)**.
- 4. Segala keputusan yang diberikan adalah **MUKTAMAD**.
- 5. Sebarang pertanyaan boleh hubungi Puan Hidayah (hidayah0354@uitm.edu.my) (03-55448357) / Encik Abdul Hafiz (abd hafiz@uitm.edu.my (03-55448355)).

***Permohonan tertakluk pada terma dan syarat pihak pengurusan iCEPS**